DR NURSYIRWAN MOHD SYUKUR A

lwn.

DR ZULKAFPERI HJ HANAPI & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
ROSILAH YOP PK
[GUAMAN NO: S-23-35-1999]
2 DISEMBER 2010

TORT: *Fitnah - Libel - Justifikasi - Sama ada perkataan dalam surat adalah benar - Sama ada umum menatap kandungan surat - Sama ada perlakuan defendan pertama ada niat jahat* C

TORT: *Fitnah - Libel - Pembelaan - Sama ada komen defendan pertama berpatutan dan mengandungi kepentingan awam*

TORT: *Fitnah - Libel - Pembelaan - "Qualified Privilege" - Kepentingan Awam - Pengunaan ubat Prednisolone secara berlebihan memudaratkan kesihatan pesakit* D

Plaintif adalah seorang doktor bertauliah bekerja di klinik defendan pertama mengikut surat Perjanjian Perlantikan (Perjanjian) bertarikh 10 April 1996. Plaintif berhenti kerja pada 12 Ogos 1996 tanpa memberi sebarang alasan. Defendan pertama melalui sepucuk surat (P1A) bertarikh 19 September 1996 menulis kepada Pendaftar Perubatan Malaysia dan disalinkan kepada: (i) Pengerusi, Pertubuhan Perubatan Malaysia, Kuala Lumpur; (ii) Pendaftar, UKM Bangi; (iii) Pengarah, Perhubungan Perusahaan; dan (iv) Pengarah, Jabatan Pemegang Harta. Plaintif mendakwa kandungan P1A boleh menjatuhkan maruah dan menjejaskan karier profesional plaintif. Kandungan P1A antara lain menyatakan bahawa: (i) Plaintif telah menipu dengan mengaku beliau seorang lulusan keluaran pertama doktor perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tetapi pada hakikatnya berkelulusan Universiti Sumatera Utara (USU); (ii) Plaintif menggunakan ubat Prednisolone secara berlebihan dan berleluasa apabila merawat pesakit-pesakit; (iii) Plaintif ialah seorang muflis berganda sejak 1993 dan sebagai *modus operandi* plaintif sengaja menimbulkan masalah dengan majikan dan menggunakan Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk mendapatkan duit kerana diberhentikan kerja secara salah. Plaintif menafikan kesahihan kandungan P1A dan menyatakan bahawa kelulusan beliau dari USU diiktiraf di Malaysia. Plaintif juga menafikan beliau menggunakan chop yang tertera nama dan kelulusan iaitu "Dr Nursyirwan Mohd Syukur MD (UKM)" di atas beberapa dokumen seperti yang dinyatakan oleh defendan pertama. Seorang pembantu klinik defendan pertama (SD4) menyatakan bahawa plaintif ada menggunakan chop dengan menggunakan kelulusan MD (UKM) untuk sijil cuti sakit dan surat-surat rujukan untuk pesakit. E F G H I

A Seterusnya, defendan pertama mengakui bahawa P1A adalah merujuk atau berkaitan dengan plaintif. Defendan pertama menyatakan bahawa beliau mempunyai tugas dari segi moral dan undang-undang untuk memberitahu pihak-pihak berkenaan plaintif mendedahkan pesakit-pesakit kepada risiko. Defendan pertama juga menyatakan bahawa perbuatan
B beliau tidak ada niat jahat tapi adalah prihatin dan berjaga-jaga serta berkepentingan awam.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif; membenarkan tuntutan balas defendan pertama):

C **(1)** Secara keseluruhan isi kandungan kenyataan P1A dan apabila dilihat dari konteks di mana pernyataan-pernyataan tersebut dibuat didapati kandungan P1A adalah berunsur fitnah yang ditujukan atau merujuk kepada plaintif. Seksyen 58 Akta Keterangan 1950 adalah terpakai bagi pengakuan defendan pertama yang beliau menghantar P1A
D kepada pihak-pihak ketiga. (perenggan 28 & 36)

(2) Laporan kimia mengesahkan selepas menganalisa dokumen-dokumen yang mempunyai tandatangan plaintif dan chop "Dr Nursyirwan Mohd Syukur MD (UKM)" adalah benar maka, plaintif telah
E menipu tentang kelayakan professional beliau. (perenggan 42-45)

(3) Di dalam keterangan plaintif, beliau akui yang beliau memberikan ubat Prednisolone kepada pesakit-pesakit yang beliau rawat untuk kali pertama bercanggah dengan keterangan beliau yang menyatakan beliau cuma memberikan ubat tersebut pada kali ketiga lawatan
F pesakit untuk mendapatkan rawatan dari plaintif walaupun beliau bersetuju bahawa Prednisolone adalah untuk penyakit-penyakit yang serius dan kronik sahaja. Semua pengakuan plaintif menyokong keterangan saksi-saksi defendan yang membuktikan bahawa plaintif menggunakan Prednisolone secara berlebihan dan berleluasa.
G (perenggan 61-63)

(4) Keterangan defendan pertama disokong oleh keterangan saksi-saksi serta keterangan plaintif sendiri jelas dibuktikan oleh defendan pertama yang plaintif telah berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapatkan "duit mudah" melalui *modus*
H *operandi* yang plaintif aturkan. *Modus operandi* plaintif adalah dengan bekerja di satu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau melarikan diri dan langsung melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang dia diberhentikan kerja secara salah. (perenggan 75)

I **(5)** Defendan pertama menulis P1A kepada pihak-pihak ketiga yang berkaitan yang defendan yakin dan percaya yang mereka perlu tahu tentang perlakuan plaintif. Ianya tidak dilihat atau ditatap umum. Perlakuan defendan pertama tidak dengan niat jahat tapi cuma untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkaitan. (perenggan 93)

(6) Defendan pertama dapat membuktikan bahawa penyataan-penyataan yang ditulis oleh defendan pertama dalam P1A adalah benar dan beliau menulis P1A kepada badan-badan profesional merupakan komen berpatutan yang mengandungi kepentingan awam. Komen berpatutan ini berdasarkan kepentingan awam khususnya Plaintif menyamar sebagai seorang doktor UKM. *Modus operandi*nya menukar-nukar majikan dan membuat tuntutan daripada mereka dan juga secara memberi ubat Prednisolone kepada pesakit-pesakit beliau sebagai penyembuh segera. Defendan pertama telah berjaya dalam pembelaan alternatif beliau. Plaintif juga gagal membuktikan yang beliau telah difitnah. Tidak ada keterangan yang plaintif tidak bekerja dan gagal untuk mendapat kerja sebaliknya pada Ogos 1996. (perenggan 104-109)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1966] 1 LNS 5 FC ***(dirujuk)***
Adam v. Ward [1917] AC 307 ***(dirujuk)***
Ayob Saud v. TS Sambanthamurthi [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ (Rep) 321 HC ***(dirujuk)***
Edwards v. Bell 130 ER 162 ***(dirujuk)***
Hebditch v. Mackllwaine [1894] 2 QB 54 ***(dirujuk)***
Kian Lup Construction v. Hongkong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 CLJ 32 HC ***(dirujuk)***
Morgan v. Odhams Press Ltd [1971] 1 WLR 1239 ***(dirujuk)***
Powell v. Gelston [1916] 2 KB 615 ***(dirujuk)***
Pullman v. Hill & Co [1891] 1 QB 524 ***(dirujuk)***
Riddick v. Thames Board Mills Limited [1977] QB 881 ***(dirujuk)***
Sim v. Stretch [1936] 2 All ER 1237 ***(dirujuk)***
Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors [1995] 1 LNS 304 HC ***(dirujuk)***
Ummi Hafilda Ali v. Ketua Setiausaha Parti Islam Se Malaysia (PAS) & Ors [2006] 3 CLJ 252 HC ***(dirujuk)***
Webb v. Bloch [1928] 41 CLR 331 ***(dirujuk)***
Workers' Party v. Tay Boon Too & Workers' Party v. Attorney-General Of Singapore [1947] 1 LNS 120 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 58

Bagi pihak plaintif - K Anandaraj; T/n Mohamed Jefri, Anandaraj Paul & Assocs
Bagi pihak defendan pertama & defendan kedua - Marisa Regina; T/n Aris Rizal Christopher Fernando & Co

Dilaporkan oleh Anesa Karisma

A

PENGHAKIMAN

Rosilah Yop PK:

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah seperti berikut:

B

a. RM500,000 sebagai gantirugi am;

b. gantirugi khas;

c. gantirugi teladan (exemplary damages);

C

d. menuntut maaf secara terbuka kepada plaintif;

e. satu perintah injuksi supaya defendan tidak akan menyebarkan lagi surat tersebut;

D

f. faedah pada kadar 8% setahun daripada tarikh penghakiman sehingga ke tarikh penyelesaian;

g. kos; dan

h. apa-apa relif yang difikirkan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

E

[2] Tuntutan terhadap defendan kedua telahpun ditarik balik.

Ringkasan Fakta Kes

[3] Pada semua masa material plaintif adalah seorang doktor bertauliah yang bekerja di klinik defendan pertama mengikut surat perjanjian pelantikan bertarikh 10 April 1996, D16 (perjanjian). Plaintif telah berhenti kerja pada 12 Ogos 1996. Tiada alasan bertulis diberikan.

F

[4] Defendan pertama telah menyebarkan sepucuk surat bertarikh 19 September 1996, P1A kepada beberapa badan-badan profesional dan jabatan kerajaan yang boleh menjatuhkan maruah dan menjejaskan karier profesional plaintif.

G

[5] Di antara penyataan-penyataan di dalam surat tersebut yang dikatakan memfitnah dan memalukan plaintif adalah seperti berikut:

H

a. Dr. Nursyirwan bin Muhd Syukur, Kad Pengenalan No. 460707-71-5171 adalah penduduk tetap berasal dari Indonesia. Beliau ini adalah seorang yang sangat jelas MENIPU kelulusan profesional beliau iaitu ke mana-mana beliau bekerja, beliau mengaku adalah seorang lulusan keluaran pertama doktor perubatan UKM. Pada hakikat sebenarnya beliau adalah berkelulusan Universiti Sumatera Utara (USU).

I

b. Dari segi etika perubatan saya melaporkan yang Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur ini menggunakan PREDNISOLONE secara berlebihan dan berleluasa dan ia digunakan untuk sebarang kes yang beliau rawat termasuk selesema, URTI, batuk, demam, imflamasi, infeksi atau apa-apa kes sahaja.

c. Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur ini adalah seorang BANKRUP BERGANDA sejak tahun 1993 dan semenjak ini beliau telah berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapatkan "DUIT MUDAH" melalui *modus operandi* yang beliau aturkan. *Modus operandi* beliau adalah mudah iaitu dengan bekerja disatu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau "absconded" dan langsung melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang ia diberhentikan kerja secara salah (wrongful dismissal).

[6] Plaintif rasa terhina mengenai surat tohmahan tersebut kerana plaintif adalah seorang doktor bertauliah dan defendan pertama juga seorang doktor yang bertauliah.

[7] Plaintif juga rasa dipermain dan dimalukan oleh defendan pertama di hadapan orang ramai dan badan-badan profesional.

[8] Akibat dari penyebaran surat, P1A, tersebut plaintif telah alami kesusahan yang amat sangat.

[9] Defendan pertama menafikan tuntutan plaintif. Di dalam pembelaan defendan pertama, defendan pertama menyatakan antara lain perkara-perkara berikut:

(i) penyataan-penyataan yang diadukan tidak memfitnah plaintif. Penyataan-penyataan tersebut adalah benar;

(ii) kalaupun penyataan-penyataan dalam P1A tersebut merupakan fitnah yang merujuk pada plaintif. Defendan pertama mendakwa beliau berhak bergantung pada pembelaan justifikasi, perlindungan bersyarat (qualified privilege) dan komen berpatutan (fair comment) atas perkara kepentingan awam.

(iii) reputasi plaintif tidak tercemar dan tiada gantirugi patut diberikan.

Undang-undang Yang Terpakai

[10] Penyataan mestilah merupakan penyataan fitnah. Menurut Lord Atkin, dalam kes *Sim v. Stretch* [1936] 2 All ER 1237.

> The statement must tend to lower the claimant in the estimation of right-thinking members of society generally, and in particular cause him to be regarded with feelings of hatred, contempt, ridicule, fear and disesteem.

[11] Di dalam kes *Ayob Saud v. TS Sambanthamurthi* [1989] 1 CLJ 152; [1989] 1 CLJ (Rep) 321 telah dengan jelas menggariskan beban seorang plaintif untuk membuktikan tuntutan libel di sisi undang-undang. Prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes tersebut adalah seperti berikut:

> In our law of libel, which is governed by the Defamation Act, 1957, the burden of proof lies on the Plaintiff to show:
>
> i. the words are defamatory;
>
> ii. the words refer to the Plaintiff; and
>
> iii. the words were published.

[12] Plaintif perlu terlebih dahulu membuktikan ketiga-tiga elemen di atas untuk berjaya dalam tuntutannya.

Sama ada P1A Mengandungi Unsur-unsur Fitnah

[13] Di dalam P1A, terdapat tiga bahagian penyataan seperti dalam penyata tuntutan yang dikatakan memfitnah adalah:

a. Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur Kad Pengenalan No. 460707-71-5171 adalah penduduk tetap berasal dari Indonesia. Beliau ini adalah seorang yang sangat jelas MENIPU kelulusan professional beliau iaitu kemana-mana beliau bekerja, beliau mengaku adalah seorang lulusan keluaran pertama doktor perubatan UKM. Pada hakikat sebenarnya beliau adalah berkelulusan Universiti Sumatera Utara (USU).

b. Dari segi etika perubatan saya melaporkan yang Dr Nursyirwan bin Muhd. Syukur ini menggunakan PREDNISOLONE secara berlebihan dan berleluasa dan ia digunakan untuk sebarang kes yang beliau rawat termasuk selesema, URTI, batuk, demam, imflamasi, infeksi atau apa-apa kes sahaja.

c. Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur ini adalah seorang BANKRUP BERGANDA sejak tahun 1993 dan semenjak ini beliau telah berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapatkan "DUIT MUDAH" melalui *modus operandi* yang beliau aturkan. *Modus operandi* beliau adalah mudah iaitu dengan bekerja disatu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau "absconded" dan langsung melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang ia diberhentikan kerja secara salah (wrongful dismissal).

[14] Mengikut plaintif, penyataan dalam P1A secara amnya membawa maksud bahawa plaintif adalah: A

i. Plaintif menipu mengenai kelulusan beliau;

ii. Plaintif menggunakan Jabatan Perhubungan Perusahaan untuk mendapat duit dari majikan beliau; B

iii. Plaintif dengan sengaja menggunakan Prednisolone dengan berlebihan dan membawa makna yang plaintif seorang doktor yang tidak kompeten, tidak beretika dan mengabaikan kesihatan pesakit-pesakit yang dirawatnya. C

[15] Dari keterangan SP1 iaitu plaintif sendiri, kesan dari penyataan yang dibuat terhadap beliau telah membawa penghinaan dan sangat memalukan beliau. Plaintif telah berkhidmat sebagai doktor sejak tahun 1975 dan tidak pernah sesiapa mencabar atau menghina amalan perubatan beliau selain dari defendan pertama. D

[16] Akibat daripada itu juga plaintif terasa hina, malu, kecewa, marah dan sedih. Kandungan P1A tersebut adalah salah, mengelirukan, palsu, memutar belit dan memfitnahkan plaintif. Plaintif juga merasa malu dan marah dengan mengatakan bahawa kelulusan profesional plaintif dari Universiti Sumatera Utara (USU) dan tidak standing dengan kelulusan UKM dan kelulusan ini dipandang rendah. Padahal kelulusan ini diiktiraf di negara ini tetapi masih dipandang rendah oleh defendan pertama. E

[17] Kesan penyataan-penyataan yang dibuat oleh defendan pertama dalam P1A tersebut telah merendahkan plaintif dalam pandangan masyarakat yang berfikiran wajar secara amnya. F

[18] Dalam buku *Gatley On Libel and Slander* 9th edn, menyatakan:

> Any imputation which many tend to lower the Plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally, to cut him off from society or to expose him to hatred, contempt or ridicule is defamatory of him. G

[19] Mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa penyataan-penyataan yang terkandung di dalam P1A adalah berunsur fitnah terhadap plaintif, setelah membaca keseluruhan kandungan P1A tersebut. Konteks di mana penyataan-penyataan tersebut dibuat menguatkan lagi unsur fitnahnya. H

[20] Oleh yang demikian mahkamah memutuskan bahawa penyataan-penyataan seperti di a, b dan c di ms 5 dan 6 di atas merupakan penyataan-penyataan yang berunsur fitnah terhadap plaintif. I

A **Sama ada Penyataan Penyataan Fitnah Ditujukan Kepada Plaintif**

[21] Adalah undang-undang yang termaktub bahawa untuk plaintif berjaya dalam tindakannya, plaintif mesti membuktikan penyataan-penyataan fitnah adalah ditujukan kepada beliau.

B **[22]** Dalam kes *Morgan v. Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239, di mana Lord Donovan menyatakan pada ms 1263:

> It is always for the Plaintiff to prove that the defamatory words were published of and concerning him. The onus is firmly upon him, and if he does not discharge it, he has no cause of action.

C **[23]** Kes *Ummi Hafilda Ali v. Ketua Setiausaha Parti Islam Se Malaysia (PAS) & Ors* [2006] 3 CLJ 252 pada ms 262 mahkamah memutuskan:

> It is essential that the words complained of must refer to the Plaintiff and not some other person, real or imaginary.

D **[24]** Dalam lain perkataan, plaintif mesti buktikan yang beliaulah orang yang menjadi perkara subjek pada fitnah berkenaan.

[25] Di dalam menentukan isu ini, mahkamah perlu membaca dan
E meneliti kandungan P1A tersebut secara keseluruhannya dengan perenggan-perenggan tertentu khas merujukkan kepada plaintif.

[26] Di dalam P1A jelas menyebut nama plaintif iaitu Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur, jadi jelas kandungan P1A ditujukan pada plaintif. Seperti dinyatakan dalam *Gatley on Libel and Slander*, edisi 9 pada
F perenggan 32.16 menyatakan:

> Where the plaintiff is named in the libel no difficulty can arise. No evidence that there were readers who identified the plaintiff is necessary, as the plaintiff only has to establish that persons could have identified him from the words used, which plainly they could if he was
G expressly named.

[27] Di dalam kes ini, kandungan P1A adalah menyebut nama plaintif iaitu Dr Nursyirwan bin Muhd Syukur. Malah SD1 di dalam keterangannya mengakui bahawa P1A adalah merujuk atau berkaitan dengan plaintif.
H

[28] Berdasarkan keterangan fakta dan otoriti yang dinyatakan di atas dan meneliti secara keseluruhan isi kandungan kenyataan P1A terutamanya pada penyataan-penyataan di penyataan a, b dan c, saya dapati penyataan-penyataan berkenaan memang ditujukan atau merujuk
I kepada plaintif.

Penerbitan

[29] Adalah perkara asas bahawa untuk memberikan kausa tindakan dalam tindakan fitnah, penerbitan perlu dibuktikan oleh plaintif terhadap defendan (per Lord Esher MR in *Hebditch v. Mackllwaine* [1894] 2 QB 54 pada ms 58).

[30] Dalam kes *Powell v. Gelston* [1916] 2 KB 615 pada ms 619. Bray J menyatakan:

> There is no doubt that to give rise to a cause of action there must be publication by the defendant. That is the foundation of the action.

[31] Definisi "publication" ditakrifkan oleh Lord Esher dalam kes *Pullman v. Hill & Co* [1891] 1 QB 524 pada ms 527 seperti berikut:

> What is the meaning of 'publication'? The making known the defamatory matter after it has been written to some person other than the person of whom it is written. If the statement is sent straight to the person of whom it is written, there is no publication of it; for you cannot publish a libel of a man to himself.

[32] Ini bersamaan dengan kes Australia, *Webb v. Bloch* [1928] 41 CLR 331 pada ms 363, Isaacs J, menyatakan:

> To publish a libel is to convey by some means to the mind of another the defamatory sense embodied in the vehicle.

[33] Untuk mengatakan berlakunya penerbitan, fakta mengenai fitnah ini mestilah diterbitkan atau dikomunikasikan kepada pihak ketiga, sekurang-kurangnya pada satu orang selain daripada plaintif. (lihat *Riddick v. Thames Board Mills* [1977] QB 881 pada ms 898; per Ramly J dalam kes *Kian Lup Construction v. Hongkong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 CLJ 32; [2002] 7 MLJ 283 pada ms 295-296).

[34] Defendan pertama di dalam keterangan mengaku beliau menulis P1A dan menghantarkannya kepada Pendaftar Pengawal Perubatan Malaysia dan disalinkan kepada:

i. Pengerusi, Malaysian Medical Association, Kuala Lumpur;

ii. Pendaftar UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi;

iii. Pengarah Perhubungan Perusahaan, Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan / Selangor Darul Ehsan, Kuala Lumpur; dan

iv. Pengarah, Jabatan Pemegang Harta, Cawangan Selangor, Shah Alam.

[35] Defendan pertama mengaku P1A telah dihantar kepada jabatan-jabatan di atas. Tidak dinafikan oleh defendan pertama yang P1A yang dihantar pada jabatan-jabatan di atas tidak diterima oleh mereka. Keterangan yang tidak dinafikan ini saya terima. Pihak-pihak di mana P1A dihantar merupakan pihak ketiga bagi tujuan penerbitan ini.

[36] Bagi pengakuan defendan pertama yang beliau menghantar P1A pada pihak ketiga itu maka s. 58 Akta Keterangan 1950 terpakai.

Seksyen ini berbunyi:

> Section 58. Facts admitted need not be proved.
>
> (1) No fact need be proved in any proceeding which the parties thereto or their agents agree to admit at the hearing or which before the hearing they agree to admit by any writing under their hands, or which by any rule of pleading in force at the time they are deemed to have admitted by their pleadings: - Provided that the court may, in its discretion, require the facts admitted to be proved otherwise than by such admissions.

[37] Daripada kedudukan di atas adalah jelas bahawa keadaan-keadaan berikut tidak perlu dibuktikan:

i. pengakuan pada masa perbicaraan;

ii. pengakuan secara bertulis sebelum perbicaraan; dan

iii. pengakuan di dalam pliding.

Keadaan yang terpakai dalam kes ini adalah keadaan (i). Jadi isu mengenai penerbitan telah dibuktikan.

[38] Mahkamah juga meneliti secara keseluruhan isi kandungan kenyataan P1A seperti berikut bagi tujuan pembelaan defendan pertama.

> Penyataan a:
>
> Dr. Nursyirwan bin Mohd. Syukur Kad Pengenalan No. 460707-71-5171 adalah penduduk tetap berasal dari Indonesia. Beliau ini adalah seorang yang sangat jelas MENIPU kelulusan professional beliau iaitu kemana-mana beliau bekerja, beliau mengaku adalah seorang lulusan keluaran pertama doktor perubatan UKM. Pada hakikat sebenarnya beliau adalah berkelulusan Universiti Sumatera Utara (USU).

[39] Plaintif mengaku yang beliau mempunyai kelulusan keluaran pertama Doktor Perubatan dari Universiti Sumatera Utara (USU).

[40] Bagi membuktikan penyataan (a) di atas, defendan pertama telah kemukakan chop yang atas nama plaintif dan kelulusan beliau sekali seperti di dalam D2 dan D3. Chop berkenaan mempunyai nama plaintif dan kelulusan professional beliau seperti berikut:

> Dr. Nursyirwan Mohd. Syukur MD (UKM).

[41] Fakta ini disokong oleh keterangan SD2 yang beliau telah memberi arahan pada plaintif untuk plaintif berhentikan penggunaan chop rasmi plaintif yang menggunakan kelulusan MD (UKM). SD2 adalah bekas majikan plaintif dari Kumpulan Perubatan/Pengarah Perubatan Pemasaran Sdn Bhd.

[42] Semasa plaintif disoalbalas plaintif akui bahawa tandatangan beliau terdapat pada D2 dan D3. Walau bagaimanapun plaintif menafikan beliau mengguna chop yang tertera nama dan kelulusan iaitu "Dr Nursyirwan Mohd Syukur MD (UKM)".

[43] D2 dan D3 telah dihantar ke jabatan kimia untuk dianalisa atas cabaran yang dibuat oleh plaintif semasa perbicaraan kes beliau di Malaysian Medical Council (MMC). Semasa MMC menyiasat tentang P1A, laporan kimia D4 telahpun diperolehi. Keputusan penganalisaan adalah seperti berikut:

> I found that the questioned signatures on documents "P4A" (iaitu D2 di dalam kes ini) and "P4A" (iaitu D3 di dalam kes ini) were written over the questioned stamp impressions and therefore, I am of the opinion that the questioned stamp impressions were produced prior to the questioned signatures on both documents.

[44] D4 telah mengesahkan yang chop telah diletakkan dahulu dan kemudian baru plaintif tandatangani di atas cap kesan chop (stamp impression). Plaintif berbohong dalam keterangan beliau, bila beliau menyatakan yang beliau tandatangani D2 dan D3 dahulu sebelum cap kesan chop dichopkan atas D2 dan D3.

[45] Dari mata kasar juga dapat dilihat bahawa tandatangan plaintif adalah di atas kesan chop. Ini membuktikan yang plaintif tandatangani D2 dan D3 dengan plaintif sebagai doktor perubatan yang mempunyai kelulusan profesional MD (UKM).

[46] Plaintif bukan berkelulusan MD (UKM) jadi apakah tujuan beliau, beliau tandatangani D2 dan D3 sebagai seorang doktor perubatan berkelulusan MD (UKM)? Apakah motif beliau? Plaintif telah menipu tentang kelayakan professional beliau.

[47] SD3 telah dipanggil oleh defendan pertama bagi menjelaskan tentang prosedur bagaimana chop disediakan untuk seseorang doktor di klinik defendan pertama tempat plaintif bertugas. Mengikut keterangan SD3, plaintif telah meminta beliau untuk membuat chop dengan menggunakan kelulusan MD (UKM). Plaintif telah menulis namanya dan perkataan MD (UKM) di atas sekeping kertas untuk SD3 buat tempahan chop rubber-stamp. Chop yang SD3 tempahkan itu adalah seperti dalam D2 dan D3. SD3 mempercayai yang plaintif adalah berkelulusan MD (UKM). Hanya kemudiannya, SD3 dapat tahu yang plaintif adalah berkelulusan daripada Universiti di Indonesia.

[48] SD4 adalah pembantu klinik defendan pertama. Semasa plaintif bertugas dengan defendan pertama di Klinik Keluarga dan Surgeri cawangan Bandar Baru, Sungai Buloh Selangor. SD4 mengatakan yang plaintif ada menggunakan chop dengan menggunakan kelulusan MD (UKM) untuk sijil cuti sakit dan surat-surat rujukan untuk pesakit. Keterangan-keterangan SD4 ini disokong oleh keterangan SD3.

[49] Dari keterangan-keterangan di atas saya dapati yang plaintif menipu tentang kelulusan professional beliau.

> Penyataan b:
>
> Dari segi etika perubatan saya melaporkan yang Dr. Nursyirwan bin Muhd. Syukur ini menggunakan PREDNISOLONE secara berlebihan dan berleluasa dan ia digunakan untuk sebarang kes yang beliau rawat termasuk selesema, URTI, batuk, demam, imflamasi, infeksi atau apa-apa kes sahaja.

[50] Mengikut keterangan defendan pertama, beliau menulis P1A dan ditujukan kepada Pendaftar Pengawal Perubatan Malaysia dan disalinkan kepada:

i. Pengerusi, Malaysian Medical Association, Kuala Lumpur,

ii. Pendaftar UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,

iii. Pengarah Perhubungan Perusahaan, Jabatan Perhubungan Perusahaan Wilayah Persekutuan / Selangor Darul Ehsan, Kuala Lumpur dan

iv. Pengarah, Jabatan Pemegang Harta, Cawangan Selangor, Shah Alam.

tentang penggunaan ubat Prednisolone kerana plaintif secara berluasa dan berlebihan menggunakan ubat Prednisolone. Ia digunakan oleh plaintif untuk kebanyakan kes yang beliau rawat termasuk kes-kes biasa seperti selesema, URTI (Upper Respiratory Tract Infection), batuk, demam, inflamasi dan infeksi. Prednisolone tidak diperlukan untuk rawatan penyakit-penyakit sebegini. Penggunaan Prednisolone berlebihan oleh

plaintif adalah membahayakan dan selaku majikan, defendan pertama bertanggungjawab ke atas segala apa yang berlaku di klinik defendan pertama.

[51] Tentang penggunaan Prednisolone secara berlebihan ini, keterangan defendan pertama telah disokong oleh keterangan SD2. SD2 adalah bekas majikan plaintif. Menurut keterangan SD2, beliau telah memeriksa rekod dispensari di klinik Pontian yang dikendalikan oleh plaintif. Daripada pemeriksaan SD2 ini, beliau dapati plaintif telah prescribe Prednisolone secara berlebihan. Plaintif juga secara routine prescribekan Prednisolone ini kepada pesakit-pesakit yang datang disebabkan selsema, batuk dan demam kepada orang-orang dewasa dan kanak-kanak.

[52] Keterangan SD3 dan SD4 menyokong keterangan defendan pertama. Ikut keterangan SD3, sejak beliau bekerja dengan plaintif, boleh dikatakan setiap pesakit yang hanya berpenyakit biasa atau tidak serius diberi Prednisolone.

[53] Keterangan SD4 adalah bahawa beliau dapati sewaktu beliau bekerja membantu plaintif sebagai pembantu klinik dan kerani, plaintif kerap memberi preskripsi Prednisolone kepada hampir setiap pesakit yang datang. Plaintif akan prescribe ubat selsema yang bercampuran Prednisolone walaupun pesakit ini hanya seorang kanak-kanak kecil. Doktor-doktor yang lain yang beliau pernah bekerja tidak memberi Prednisolone sedemikian.

[54] Menurut defendan pertama, Prednisolone tidak perlu dipreskripsikan bagi tiap-tiap kes. Prednisolone hanya perlu digunakan dalam keadaan dan kes tertentu sahaja. Plaintif menggunakan Prednisolone untuk kes-kes yang tidak sepatutnya diberikan Prednisolone seperti batuk, selsema, demam, sakit kepala, kepada kanak-kanak dan juga dewasa.

[55] Ikut keterangan plaintif, beliau akan prescribekan Prednisolone bila kali ketiga pesakit datang dapat rawatan dari beliau. Dalam D18, plaintif telah prescribekan Prednisolone pada pesakit Ng Huey Jian berumur satu tahun untuk sakit tekak bagi kali pertama plaintif merawat pesakit ini.

[56] Dalam D19, plaintif berikan Prednisolone pada kanak-kanak berumur tujuh tahun yang sakit tekak, batuk.

[57] D20, plaintif telah prescribekan Prednisolone untuk pesakit ini untuk demam, sakit tekak dan sakit-sakit badan untuk kali pertama plaintif merawat pesakit ini dan beliau tiada pesakit kronik.

[58] D21, pesakit cuma sakit tekak diprescribekan Prednisolone untuk sakit tekak oleh plaintif. Ini kali pertama plaintif merawat pesakit dalam D21.

[59] D22, D23, plaintif prescribekan Prednisolone pada pesakit-pesakit ini yang sakit tekak dan kali pertama plaintif merawat pesakit-pesakit ini.

[60] D24, D25 dan D26, semua pesakit-pesakit ini cuma sakit tekak, bengkak kelenjar, tiada penyakit kronik dan kali pertama plaintif merawat mereka.

[61] Di dalam keterangan plaintif, beliau akui yang beliau prescribe Prednisolone untuk pesakit-pesakit yang beliau rawat untuk kali pertama. Ini bercanggah dengan keterangan beliau yang menyatakan beliau cuma prescribe Prednisolone pada kali ketiga lawatan pesakit untuk dapatkan rawatan dari plaintif.

[62] Plaintif setuju terdapat ubat-ubatan lain selain dari Prednisolone untuk penyakit-penyakit yang dinyatakan tadi iaitu batuk, selesema, sakit tekak dan sakit kelenjar. Plaintif tidak setuju bahawa Prednisolone adalah ubatan yang boleh menyembuhkan penyakit dengan cepat. Beliau setuju bahawa Prednisolone adalah untuk penyakit-penyakit yang serious dan kronik sahaja.

[63] Plaintif mengaku yang beliau prescribe Prednisolone untuk pesakit-pesakit yang beliau rawat untuk kali pertama, plaintif setuju terdapat ubat-ubatan lain selain dari Prednisolone untuk penyakit-penyakit yang dinyatakan tadi iaitu batuk, selesema, sakit tekak dan sakit kelenjar dan setuju bahawa Prednisolone adalah untuk penyakit-penyakit yang serious dan kronik sahaja. Semua pengakuan plaintif ini menyokong keterangan SD1 yang seterusnya disokong oleh keterangan SD2, SD3, SD4, D19 sehingga D26 membuktikan bahawa plaintif menggunakan Prednisolone secara berlebihan dan berleluasa adalah dibuktikan oleh defendan pertama adalah benar.

Penyataan c:

> Dr Nursyirwan bin Muhd. Syukur ini adalah seorang BANKRUP BERGANDA sejak tahun 1993 dan semenjak ini beliau telah berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapatkan "DUIT MUDAH" melalui modus operandi yang beliau aturkan. Modus operandi beliau adalah mudah iaitu dengan bekerja disatu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau "absconded" dan langsung melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang ia diberhentikan kerja secara salah (wrongful dismissal).

[64] Semasa disoalbalas plaintif akui semasa beliau ditemuduga oleh defendan pertama untuk bertugas di klinik defendan pertama, plaintif adalah seorang bankrap. Tetapi perkara ini tidak diberitahu oleh plaintif kepada defendan pertama.

[65] Kemudiannya defendan pertama dapat tahu yang plaintif adalah seorang bankrap. Plaintif telah diisytiharkan bankrap seperti berikut:

i. pada 15 April 1993 yang di petisyenkan oleh Gan Cheong Kim dan Tan Kim Pee;

ii. pada 7 April 1994 yang dipetisyenkan oleh Mayban Finance Berhad;

iii. pada 18 Julai 1996 yang dipetisyenkan oleh Sincere Leasing Sdn. Bhd.

Plaintif telahpun pernah diisytiharkan bankrap pada tahun 1989 mengikut petisyen-petisyen di dalam pemeriksaan utama beliau. Semasa plaintif memfailkan saman ini terhadap defendan, plaintif juga seorang bankrap dan plaintif telah mendapat kebenaran official assignee untuk teruskan saman ini terhadap defendan-defendan.

[66] SD2 dan SD5 merupakan bekas majikan plaintif. SD2 dan SD5 dipanggil untuk menyokong keterangan SD1 bahawa plaintif berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapat "duit mudah" melalui *modus operandi* yang plaintif aturkan. Modus operandi plaintif adalah dengan bekerja di satu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau "absconded" dan kemudian melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang dia telah diberhentikan kerja secara salah.

[67] Mengikut keterangan SD2, beliau telah memanggil plaintif bekerja di klinik beliau di Pontian, Johor pada 1 Ogos 1994. Walaubagaimanapun pada 25 April 1996, plaintif telah tidak hadir bekerja dan plaintif tidak bagi tahu SD2 yang beliau hendak berhenti kerja tapi plaintif terus tidak hadir bekerja. Plaintif adalah seseorang yang berkelulusan dari Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

[68] Selepas tiga bulan bekerja dengan klinik SD2, plaintif telah mula timbulkan masalah. Masalah ditimbulkan seperti keengganan beliau membuka buku akaun bank untuk tujuan bayaran gaji. Minta gaji dibayar awal. Minta gaji dibayar ke dalam akaun isteri beliau. Plaintif kerap memberi preskripsi untuk Prednisolone kepada pesakit walaupun tidak diperlukan.

[69] Pada 25 April 1996, plaintif telah tidak lagi bertugas di klinik SD2 tanpa sebarang notis. SD2 tidak berhentikan plaintif dari bertugas di klinik SD2. Plaintif kemudiannya telah membuat aduan ke Jabatan

A Perhubungan Perusahaan menyatakan SD2 telah berhentikan plaintif secara salah dan menuntut gantirugi. Walaubagaimanapun tuntutan plaintif itu atas keputusan Menteri Sumber Manusia, tidak dicadangkan kes di bawa ke Mahkamah Perusahaan dan kes ditutup. Tiada apa-apa pampasan dibayar kepada plaintif.

B **[70]** Keadaan yang sama telah berlaku pada SD5. SD5 juga merupakan bekas majikan plaintif. Plaintif telah diambil bekerja oleh SD5 di Klinik Kita kepunyaannya pada 3 Ogos1993.

[71] Pada 3 September 1993 plaintif telah tidak hadir bekerja dengan C klinik plaintif. SD5 telah bersemuka dengan plaintif tentang ketidakhadiran tersebut. SD5 telah menegur sikap plaintif yang selalu datang lewat, kerap mengambil cuti kecemasan. Plaintif mempunyai masalah sikap. Plaintif lalu meninggalkan klinik SD5 dan tidak lama selepas itu, plaintif telah membuat aduan kepada Jabatan Buruh menuduh D SD5 memberhentikan beliau secara salah. Kes plaintif terhadap SD5 difailkan ke Mahkamah Perusahaan di mana akhirnya penghakiman berpihak kepada SD5.

[72] SD5 ada membuat aduan pada MMC melalui surat bertarikh 12 June 1996 tentang kelakuan plaintif yang telah melakukan E "professional misconduct" yang melanggar etika perubatan dan boleh menjejaskan nama baik profession perubatan. Walaubagaimanapun belum ada tindakan diambil oleh MMC.

[73] Plaintif di dalam keterangannya mengakui bahawa beliau ada F membuat aduan terhadap majikannya Dr Hamdan dari Klinik Hamdan, Teluk Intan Perak. Plaintif bekerja dengan majikan ini mulai Julai 1992 hingga April 1993. Aduan dibuat kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan Awam di mana penyelesaian di luar mahkamah telah diperolehi oleh plaintif dengan bayaran RM11,000.

G **[74]** Pada Julai 1993 hingga September 1993, plaintif bertugas dengan Dr Yusof bin Mokhtar. Plaintif ada buat aduan dan dirujuk pada Mahkamah Perindustrian. Pada Oktober 1993 sehingga Mac 1994, plaintif bertugas dengan Dr Razali di Pusat Rawatan Kekeluargaan Cheras. Plaintif ada membuat aduan tapi kesnya telah ditolak.

H **[75]** Dari keterangan defendan pertama yang disokong oleh keterangan SD2 dan SD5 serta keterangan plaintif sendiri jelas dibuktikan oleh defendan pertama yang plaintif telah berpindah-pindah kerja dari satu majikan ke satu majikan untuk mendapat "duit mudah" melalui *modus operandi* yang plaintif aturkan. *Modus operandi* plaintif adalah dengan I bekerja di satu tempat dan dengan sengaja menimbulkan masalah dan kemudian beliau "absconded" dan langsung melaporkan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan yang dia telah diberhentikan kerja secara salah.

Pembelaan Perlindungan Bersyarat

[76] Defendan pertama telah membawa pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege) dan menghujahkan P1A diterbitkan oleh defendan pertama dalam satu keadaan yang dilindungi oleh perlindungan bersyarat.

[77] Mahkamah berpendapat pembelaan perlindungan bersyarat hanya terpakai di dalam keadaan di mana wujudnya keadaan yang dilindungi (privilege occasion).

[78] Lord Atkinson di dalam kes *Adam v. Ward* [1917] AC 307 di ms 334 pernah memutuskan:

> A privilege occasion is an occasion ... where the person who makes a communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty of receive it. The reciprocity is essential.

[79] Daripada otoriti di atas, jelas menunjukkan bagi mewujudkan sesuatu 'privilege occasion' mesti wujud hubungan dua hala 'reciprocity' di antara orang yang membuat penyataan berkenaan dengan orang yang ditujukan untuk menerima atau membaca penyataan tersebut. Orang yang membuat penyataan tersebut perlu mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk mendedahkan penyataan tersebut kepada orang yang menerimanya di mana orang yang menerima patut juga mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk menerimanya.

[80] Di dalam kes ini, orang yang membuat penyataan-penyataan berkenaan adalah defendan pertama manakala orang yang menerimanya ialah kelima-lima badan-badan professional dan jabatan kerajaan.

[81] P1A yang dihantar oleh defendan pertama kepada pihak-pihak yang berkenaan menunjukkan bahawa defendan pertama mempunyai tugas dan tanggungjawab dari segi undang-undang dan moral. P1A mempunyai tiga isu iaitu:

i. Plaintif bertindak tidak jujur mengenai kelulusan perubatan beliau,

ii. Plaintif telah diisytiharkan bankrap,

iii. Plaintif telah prescribekan ubatan yang dikenali sebagai Prednisolone secara berlebihan.

[82] Defendan pertama merasakan beliau mempunyai tugas dari segi moral dan undang-undang untuk memberitahu pihak-pihak berkenaan yang mendedahkan pesakit-pesakit kepada risiko. Perbuatan defendan pertama tidak ada niat jahat tapi adalah prihatin dan berjaga-jaga serta berkepentingan awam.

[83] Masyarakat perlu diberi kesedaran dan dilindungi tentang bahayanya ubat-ubatan yang tidak sepatutnya diprescribekan secara sewenang-wenangnya, memandangkan Prednisolone adalah sejenis ubat-ubatan hanya untuk penyakit-penyakit kronik sahaja dan tidak sepatutnya diprescribekan terutama sekali kanak-kanak.

[84] Defendan pertama telah bertindak wajar bila beliau menulis P1A. Ini bermakna yang defendan pertama telah dengan seriousnya mematuhi etika perubatan.

[85] Setelah meneliti keseluruhan keterangan di dalam kes ini mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa defendan pertama telah membuktikan wujudnya satu 'privilege occasion' di mana P1A tersebut ditulis dan diterbitkan oleh defendan pertama.

[86] Alasan utama mengapa mahkamah berpendapat sedemikian ialah kerana penyataan-penyataan yang diadukan oleh plaintif di dalam P1A tersebut adalah merupakan penyataan fakta yang berasas dan kebenaran atau kesahihannya dibuktikan. Penyataan-penyataan dalam P1A tersebut adalah benar. 'Privilege communication's' ini merujuk kepada satu komunikasi berdasarkan fakta yang benar.

Pembelaan Justifikasi

[87] Pembelaan justifikasi adalah pembelaan sepenuhnya bila penyataan yang dinyatakan fitnah itu adalah benar.

[88] Untuk berjaya di dalam pembelaan justifikasi, defendan hendaklah mematuhi syarat yang telah diputuskan di dalam kes *Workers' Party v. Tay Boon Too & Workers' Party v. Attorney-General Of Singapore* [1947] 1 LNS 120. Di dalam kes tersebut mahkamah telah memutuskan:

> To establish a plea of justification, the defendant must:
>
> a. prove that the defamatory imputation is true;
>
> b. justify the precise imputation complained; and
>
> c. prove the truth of all material statements in the libel.
>
> These must be substantial justification of the whole libel.

[89] Kes di atas telah merujuk kepada kes *Edwards v. Bell* (130 ER 162), di mana Burrough J mengatakan:

as much must be justified as meets the sting of the charge, and if anything be contained in a charge which does not add to the sting of it, that need not be justified.

[90] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1966] 1 LNS 5, Mahkamah Persekutuan juga menyatakan justifikasi adalah satu pembelaan yang penuh kepada fitnah jika penyataan dikatakan fitnah itu adalah benar tidak berbohong.

[91] Hakikatnya, defendan pertama perlu memberikan justifikasi yang sah bagi penyataan-penyataan yang mempunyai kesan fitnah ke atas plaintif.

[92] Di dalam kes ini, daripada ketiga-tiga penyataan a, b dan c di atas dengan alasan-alasan yang dinyatakan diawal tadi adalah dibuktikan oleh defendan pertama bahawa semua penyataan a, b dan c adalah benar, menjustifikasikan dengan tepat dan telah membuktikan kebenaran penyataan-penyataan fitnah berkenaan. Defendan pertama telah menyemak fakta sebelum menulis P1A. Tidak pernah dibuktikan oleh plaintif yang P1A ada diterbitkan selain daripada dari lima jabatan yang dinyatakan. Tidak dibuktikan oleh plaintif yang kelima-lima jabatan ini tidak menerima P1A.

[93] Defendan pertama menulis P1A pada jabatan-jabatan yang berkaitan yang defendan pertama yakin dan percaya yang mereka perlu tahu tentang perlakuan plaintif. Ianya tidak untuk dilihat atau ditatap umum. Perlakuan defendan pertama tidak dengan niat jahat tapi cuma untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkaitan.

[94] Plaintif mendakwa bahawa dengan defendan pertama menyebarkan surat bertarikh 19 September 1996 kepada beberapa badan profesional tertentu dan agensi kerajaan. Tujuannya untuk menjatuhkan maruah plaintif dan menjejaskan karier profesional plaintif.

[95] Dari alasan-alasan yang dinyatakan di atas dan di awal tadi bagi penyataan-penyataan a, b dan c, saya dapati ketiga-tiga penyataan di atas yang dibuat oleh defendan pertama adalah penyataan-penyataan yang benar dan dibuktikan adalah benar.

Pembelaan Komen Berpatutan

[96] Secara alternatifnya defendan pertama telah menyatakan bahawa penyataan-penyataan yang diadukan berupakan penyataan fakta, ia adalah benar dan mengandungi ekspresi pendapat dan ia merupakan komen berpatutan berdasarkan kepentingan awam.

[97] Penyataan-penyataan yang merupakan komen berpatutan atas isu yang berkepentingan awam merupakan pembelaan untuk tindakan fitnah.

A *Institute of Commercial Management United Kingdom v. New Straits Times Press* [1993] 2 CLJ 365 dan *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1966] 1 LNS 5 which said that justification is a complete defence to libel if the defamatory imputation is true or that the material statements in the libel are true.

B **[98]** Mahkamah juga berpandukan kepada keputusan Richard Malanjum J (sekarang HMR) di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v. Bre Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 LNS 304, yang menyatakan:

C For the defence of fair comment, in order to succeed the following basic elements must be established by the Defendants, namely:

(i) that the words complained of are comments, though they may consist of or include inference of facts;

(ii) that the comments are on a matter of public interest; and

D

(iii) that the comments are based on facts, truly stated. They must also be fair and which a fair-minded person can honestly make on the facts proved.

[99] Di dalam kes yang sama, mahkamah telah menyatakan dengan E jelas bahawa:

It is settled law that a comment is a statement of opinion on facts truly stated ... In order to decide whether a statement is capable of being a comment or a statement of fact, should be gathered from the document wherein the words complained of are found. There is no F necessity to look at other documents, though relevant, to come to such determination. See: *Telnikoff v. Matusevitch* [1991] 4 All E.R 817).

[100] Di dalam kes sekarang, penyataan-penyataan yang dikatakan memfitnah plaintif di dalam P1A seperti yang telah dinyatakan sebelum ini adalah merupakan penyataan-penyataan fakta (statements of facts) G terutamanya mengenai perkara-perkara berikut:

Mengikut keterangan Defendan Pertama, beliau secara jujur mempercayai yang Plaintif adalah berkelulusan dari UKM. Ini telah mempengaruhi Defendan Pertama untuk mengambil Plaintif bekerja di klinik beliau dan membayar gaji Plaintif berdasarkan Plaintif H berkelulusan dari UKM.

[101] Selanjutnya plaintif menggunakan chop sebagai "Dr Nursyirwan Mohd Syukur MD (UKM). Menyokong keterangan defendan pertama, dikemukakan surat bertarikh 16 January 2001 daripada USU I mengesahkan yang plaintif adalah berkelulusan dari USU pada 1975. Juga surat bertarikh 24 April 1996 yang dihantar oleh bekas majikan plaintif

(Kumpulan Poliklinik Penawar) kepada plaintif mengarahkan beliau segera memberhentikan penggunaan chop "Dr Nursyirwan bin Mohd Syukur" dengan kelulusan dari UKM seperti yang plaintif lakukan pada defendan pertama.

[102] Plaintif juga telah didapati bersalah atas isu ini oleh MMC. Plaintif kemudian merayu ke Mahkamah Tinggi dan plaintif masih didapati bersalah.

[103] Begitu juga dengan preskripsi Prednisolone oleh plaintif terhadap pesakit-pesakit beliau adalah berlebihan seperti alasan di awal tadi.

[104] Saya dapati defendan pertama dapat membuktikan bahawa penyataan-penyataan yang ditulis oleh defendan pertama dalam P1A adalah penyataan-penyataan yang benar dan beliau menulis P1A kepada badan-badan profesional merupakan komen berpatutan yang mengandungi kepentingan awam.

[105] Komen berpatutan ini berdasarkan kepentingan awam khususnya plaintif menyamar sebagai seorang doktor graduan Universiti Kebangsaan Malaysia, *modus operandi*nya menukar-nukar majikan dan membuat tuntutan daripada mereka dan juga secara salah memperskripsi Prednisolone kepada pesakit-pesakit beliau sebagai penyembuh segera.

[106] Saya dapati defendan pertama juga berjaya dalam pembelaan alternatif beliau.

Gantirugi

[107] Plaintif mesti membuktikan kerosakan kepada reputasi untuk mendapat gantirugi kerugian untuk kesengsaraan mental; (lihat *Gobin v. Globe Publishing Co*, 232 Kan 1, 649 P2d 1239, 1244 (1982); *Swanson v. American Hardware Mutual Ins Co*, 359 NW 2d 705, 707 (Minn. App. 1984). Untuk membuktikan satu tuntutan dalam tindakan fitnah plaintif mestilah membuktikan yang defendan pertama membuat penyataan-penyataan yang menghina dan palsu tentang plaintif yang mana melukakan reputasi plaintif.

[108] Berkenaan dengan gantirugi, apa yang diplikan adalah bahawa susah untuk plaintif untuk mendapatkan kerja baru dan isteri plaintif tidak bekerja, mempunyai tujuh orang anak dan enam daripadanya sedang bersekolah. Plaintif menuntut RM500,000 sebagai gantirugi.

[109] Plaintif gagal untuk membuktikan yang beliau telah difitnahkan. Tidak ada keterangan yang plaintif tidak bekerja dan gagal untuk mendapat kerja sebaliknya pada Ogos 1996, plaintif dapat kerja dan bertugas di Klinik Syed Ahmad.

A **[110]** Selepas itu, plaintif bekerja locum di klinik Dr Zainal dan kemudiannya plaintif membuka klinik beliau sendiri pada Februari 1998 sehinggalah sekarang.

[111] Pada keseluruhan keterangan, plaintif gagal membuktikan yang beliau telah difitnahkan. Defendan pertama telah berjaya membuktikan yang beliau mempunyai pembelaan yang sah dan selanjutnya telah berjaya membuktikan tuntutan balas beliau. Maka dengan itu, saya telah menolak tuntutan plaintif dengan kos dan membenarkan tuntutan balas defendan pertama dengan kos dan gantirugi untuk ditaksirkan.

B

C

D

E

F

G

H

I